



# KiNDY LinQ

Sesi-sesi bermain sambil belajar yang menyeronokkan, bebas dan sesuai untuk semua bagi kanak-kanak baru lahir hingga berumur 3.5 tahun serta keluarga mereka

KindyLinQ merupakan program berasaskan permainan dalam format kumpulan bermain yang boleh dihadiri oleh keluarga bersama anak-anak pada peringkat umur awal sebelum mereka hadiri kindergarten.

Program ini dipimpin oleh kakitangan KindyLinQ dan menyediakan ruang yang selamat dan mesra kepada keluarga untuk bersama kanak-kanak dan turut serta dalam pengalaman pembelajaran awal bersama-sama.

Program ini berjalan semasa penggal sekolah. Penyertaan adalah sukarela dan keluarga sentiasa akan hadir bersama anak / anak-anak mereka. Hari dan masa berbeza mengikut lokasi.

Sesi-sesi KindyLinQ berasaskan kepada program dan amalan yang sudah terbukti keberkesanannya, termasuk Asas Pembelajaran Peringkat Umur Awal

## Manfaat kepada kanak-kanak dan keluarga

Keluarga memainkan peranan penting dalam menetapkan persekitaran yang paling bagus bagi kanak-kanak untuk berkembang dan belajar. KindyLinQ menawarkan panduan kepada keluarga bagi menyokong pembelajaran anak mereka semasa di rumah.

Program ini menyokong pembelajaran, perkembangan dan perhubungan kanak-kanak pada tahun-tahun awal sebelum mereka hadiri Kindergarten.

Suasana KindyLinQ yang tidak formal, berfokuskan keluarga, membantu ahli keluarga berinteraksi secara tidak formal dengan tenaga pengajar dalam persekitaran pembelajaran.

Program ini membentuk rangkaian kukuh dan menyokong antara rumah, sekolah, khidmat awal kanak-kanak serta masyarakat bagi keluarga

## Belajar melalui bermain

KindyLinQ diasaskan kepada model kumpulan bermain terpandu.

Di KindyLinQ, kanak-kanak belajar melalui pengalaman sendiri dengan sokongan dan panduan seorang dewasa yang penyayang. Kanak-kanak akan mempelajari kemahiran-kemahiran yang bakal membantu pembelajaran mereka sekarang dan pada masa hadapan termasuk menjalinkan hubungan sosial, menguruskan emosi dan mengembangkan kebolehan bahasa bagi memastikan mereka berupaya menyatakan pemikiran dan keperluan mereka dengan berkesan.

KindyLinQ juga membantu menghubungkan keluarga dengan penyedia kindergarten yang diluluskan

Lihat senarai penuh lokasi yang menawarkan KindyLinQ di [Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak](#) laman sesawang untuk mendapat tempat anda.